

**Wanita Gerakan Mahu Kerajaan Gubal Polisi Isu Rumah Mampu Milik
Bernama
29 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Persidangan Perwakilan Wanita Gerakan 2012 Sabtu meluluskan enam resolusi termasuk meminta kerajaan mewujudkan polisi memastikan pemaju dan pihak berkenaan bekerjasama membina rumah mampu milik.

Ketua Wanita Gerakan Datuk Tan Lian Hoe berkata resolusi itu dilulus sebulat suara demi memastikan kebajikan rakyat terbelah.

"Ini selari dengan hasrat Wanita Gerakan untuk terus membela masyarakat terutama wanita," katanya kepada Bernama selepas persidangan sayap itu, di sini.

Persidangan tahunan itu yang dihadiri 342 perwakilan turut meluluskan resolusi agar Jabatan Peguam Negara mengkaji semula undang-undang rogol berkanun (membabitkan mangsa bawah umur) untuk melindungi golongan tersebut selain mengelakkannya menjadi undang-undang lapuk.

Resolusi lain ialah meminta kerajaan menggubal polisi pemberian peruntukan kewangan tahunan saksama untuk semua jenis sekolah; memantau sekolah swasta dan antarabangsa yang tidak mematuhi syarat pengambilan pelajar; serta mengehadkan kemasukan pelajar asing bagi mengekang jenayah membabitkan mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698438>